

08/02/1998

Rumah Bung Karim bagaikan mini arkib

DARI luar, rumah Abdul Karim Abdullah di Jalan 14/29 Petaling Jaya, nampak biasa saja. Tapi, apabila menjengah beberapa bilik di rumah itu, ia tidak ubah seperti mini arkib yang menyimpan segala khazanah penting tanah air.

Tiga daripada empat atau lima bilik dalam rumah itu penuh dengan longgokan buku dan kertas.

Malah, pada usia 61 tahun sekarang, Abdul Karim atau lebih mesra dengan panggilan Bung Karim di kalangan kawan-kawannya, terus aktif menulis dan mengumpul khazanah lama yang dilakukan sejak 30 tahun lalu.

Apakah semua itu kerana wang? "Bukan!" Beliau menyanggah cepat dan menambah: "Apalah pada wang? Royalti? Berapa sangat yang saya dapat. Tapi ini minat dan minat timbul daripada kesedaran. Betapa penting khazanah bangsa disimpan, dipelihara, dirakam dan diabadikan bagi tatapan anak cucu masa akan datang."

Selain itu, Abdul Karim yang juga Setiausaha Sulit Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Fauzi Abdul Rahman, berharap usaha itu menjadi amal jariah dirinya kepada agama, bangsa dan tanah air.

Beliau sendiri menghasilkan kira-kira 20 buku yang merakamkan pelbagai khazanah bangsa.

Mengimbas detik awal pembabitannya merakamkan khazanah bangsa, Abdul Karim berkata: "Bapa saya pernah berkhidmat sebagai penterjemah di Jabatan Karang Mengarang Melayu Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) Tanjung Malim.

"Pada waktu itu, pendeta Zaaba juga bertugas di situ. Kemudian, bapa saya bertugas sebagai penyunting di Parlimen."

Kerjaya itu turut diwarisi Abdul Karim. Beliau bagaimanapun menjadi penyunting di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Tugas itu dengan sendiri mendekatkannya kepada dunia penulisan. Pada 1962, bukunya yang pertama, Ceramah Bahasa dan Sastera diterbitkan oleh Pustaka Aman Press. Buku itu mengisi pelbagai ceramah tokoh sastera, termasuk Sutan Takdir Ali Shabana dan Zulkefli Muhammad.

Abdul Karim berkata, menyiapkan buku, Ingin Jadi Pujangga setebal 850 muka yang mengandungi cerpen A Samad Ismail sejak 1944-1991, paling mencabar sekali.

"Saya mengambil masa empat tahun untuk menyiapkannya dan dalam tempoh itu, saya terpaksa berulang alik ke DBP, Arkib Negara dan Perpustakaan Negara," katanya.

Ketika ini, Abdul Karim sedang mengumpul khazanah tulisan dan ucapan beberapa pejuang tanah air seperti Ahmad Boestamam, Ibrahim Yaakob, Zaaba, A Samad Ismail serta pidato pemimpin negara, Datuk Onn Jaafar hinggalah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau juga sedang menyusun pelbagai pandangan tokoh dari Indonesia terhadap A Samad Ismail dalam buku, A Samad Ismail: Pejuang Multi Warna. Beliau mempunyai banyak bahan mengenai Samad Ismail dan Pak Sako.

Pada 1987, beliau bersama Prof Hashim Awang menghasilkan buku, Cerpen Pak Sako Sebelum Perang dan ia kini diulang cetak kali keempat.

Satu lagi buku sedang disiapkan ialah antologi cerpen penulis Pahang berjudul Pemimpin Kecil Dari Kuala Semantan sempena judul cerpen Sasterawan Negara, Keris Mas.

Buku ini mengandungi 40 cerpen, termasuk karya Keris Mas, Pak Sako, Zakaria Hitam dan Ibrahim Omar. Ia dijangka diterbitkan tidak lama lagi oleh Dewan Persuratan Melayu Pahang.

Sebuah buku menarik sedang disiapkannya ialah Melayu Hilang Keberanian? (Satu Polemik). Buku ini mengandungi perdebatan hangat mengenai sikap orang Melayu.

Menurutnya, ia bermula daripada tulisan Datuk A Kadir Jasin bertajuk Suara Melayu Umno dan Kerajaan dalam Berita Harian (18 Februari 1996). Ia kemudian disusuli tulisan Tun Daim Zainuddin berjudul Orang Melayu Hilang Keberanian di Mingguan Malaysia (10 Mac 1996).

Abdul Karim berkata, isu ini turut dibicarakan oleh lebih 20 tokoh lain dan tulisan itu dikumpul serta diabadikan dalam Melayu Hilang Keberanian?

(END)